

Kesediaan Pelajar Mempelajari Mata Pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam Di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang

Abdul Rahim Bin Hamdan & Sarah Liyana Binti Ab Latif

Fakulti Pendidikan

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti kesediaan pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang. Seramai 129 orang pelajar tingkatan empat sesi 2007 yang terdiri daripada 41 orang pelajar lelaki dan 88 orang pelajar perempuan telah dipilih untuk menjadi responden. Dalam kajian ini, kesediaan pelajar dikaji dalam tiga aspek iaitu minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada. Instrumen kajian yang digunakan ialah soal selidik dan nilai kebolehpercayaannya adalah $\alpha = 0.906$. Analisis statistik deskriptif telah digunakan dalam tatacara menganalisis data. Pada keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kesediaan pelajar mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang adalah pada tahap yang sederhana. Hasil ujian-t pula menunjukkan terdapat perbezaan minat antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Walaubagaimanapun tidak terdapat perbezaan kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Oleh yang demikian, beberapa cadangan telah dikemukakan kepada guru, pihak sekolah dan ibu bapa bagi meningkatkan kesediaan di kalangan pelajar. Di samping itu, cadangan kajian lanjutan bagi penyelidik yang ingin meneruskan kajian ini dengan lebih mendalam juga diberikan.

Katakunci : kesediaan pelajar, pengajian kejuruteraan awam

Pengenalan

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah untuk melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu pengetahuan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.

Demikianlah murninya hasrat dan semangat Falasafah Pendidikan Negara. Pendidikan negara bermatlamatkan dan memfokuskan penjanaan warganegara yang mampu memberi sumbangan bermakna kepada diri masing-masing, masyarakat dan negara. Maksud yang tersurat dalam Falsafah Pendidikan Negara itu diterjemahkan ke dalam Misi Kementerian Pendidikan dan menjadi asas kepada usaha ke arah peningkatan dan pengukuhan sistem pendidikan negara bertaraf dunia. Fokus yang mendasari matlamat utama ini ialah pengembangan potensi pelajar pada tahap optimum.

Hasil daripada peningkatan kurikulum Pendidikan Teknik dan Vokasional serta penyusunan yang lebih rapi diharapkan dapat meningkatkan dan memberi kesan dalam pembangunan negara. Pendidikan yang mencukupi perlu diberikan kepada golongan muda untuk menghasilkan tenaga sumber manusia yang berpengetahuan dan mahir dalam bidang kejuruteraan. Bagi melahirkan golongan yang berilmu dan berkemahiran ini, mereka hendaklah sentiasa bersedia menerima segala ilmu yang bakal dipelajarinya.

Penyataan Masalah

Kesediaan pelajar merupakan aspek penting dalam menerima pengalaman pembelajaran baru. Jika tiada kesediaan belajar, pelajar akan menghadapi masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Syarifah Alawiyah (1992), waktu paling berkesan pelajar belajar adalah pada ketika mereka sudah bersedia. Pelajar yang tidak bersedia mempelajari sesuatu tidak akan dapat mempelajarinya secara efisien. Sehubungan dengan itu, penyelidik telah menjalankan satu kajian yang berkaitan tentang kesediaan pelajar mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di salah sebuah sekolah menengah teknik dari segi minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada pelajar.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk :

- i. Mengenalpasti tahap minat pelajar terhadap mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang.
- ii. Mengenalpasti tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang.
- iii. Mengenalpasti tahap pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang.
- iv. Mengenalpasti perbezaan minat antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang.
- v. Mengenalpasti perbezaan kemahiran bahasa Inggeris antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang.
- vi. Mengenalpasti perbezaan pengetahuan sedia ada antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan adalah untuk membantu guru-guru yang berkenaan (penggubal buku teks dan penggubal program amali) menentukan isi kandungan buku teks dan amali yang digunakan di sekolah bersesuaian dengan kesediaan pelajar. Hal ini kerana hasil daripada kajian ini dapat menggambarkan kesediaan pelajar yang mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam secara umumnya dari aspek minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada pelajar.

Selain itu, kajian ini juga dapat dijadikan panduan kepada sekolah menengah teknik dan guru-guru yang mengajar mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam dalam merancang satu proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan bersesuaian dengan minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada pelajar. Secara tidak langsung, proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan ini membantu meningkatkan motivasi dan minat pelajar serta memupuk sikap positif mereka terhadap mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam.

Justeru, kajian ini dapat dijadikan panduan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam menggubal sukatan mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Hal ini penting bagi melahirkan pelajar yang berilmu pengetahuan dan bekemahiran tinggi.

Rekabentuk Kajian

Kajian yang dijalankan merupakan suatu kajian penyelidikan berbentuk perihal atau deskriptif dengan menggunakan kaedah kuantitatif. Deskriptif adalah penulisan untuk menerangkan satu keadaan atau situasi secara bersistem dan berfakta dengan tepat (Mohd Najib, 1999). Oleh itu, penggunaan soal selidik adalah satu kaedah yang paling sesuai dalam pengumpulan data. Ini kerana penggunaan soal selidik memudahkan penyelidik memproses dan menganalisis data yang diperoleh jika dibandingkan dengan kaedah pemerhatian langsung yang memerlukan kemahiran terlatih serta memerlukan masa yang lama.

Teknik penyelidikan melalui kaedah tinjauan adalah satu kaedah yang mudah, iaitu sampel diberikan alat bagi memenuhi ruangan maklumat yang dikehendaki dan maklumat diproses mengikut kaedah analisis yang dirancang oleh penyelidik (Mohd. Najib, 1999). Oleh sebab itu, penggunaan soal selidik merupakan cara yang sangat berkesan dan praktikal untuk mendapatkan maklumat. Walaubagaimanapun, penggunaan soal selidik boleh membantu penyelidik menentukan sifat 'impersonal' dalam jawapan dan keseragaman dikalangan responden. Salah satu kebaikan soal selidik adalah ianya menjamin kerahsiaan dan ini dapat mencungkil maklumat yang tepat daripada responden (Mohd Majid, 1990).

Populasi Dan Sampel Kajian

Populasi bagi kajian ini adalah pelajar tingkatan 4 Pengajian Kejuruteraan Awam sesi 2007 Sekolah Menengah Teknik di daerah Rompin, Pahang. Pelajar tingkatan 4 Pengajian Kejuruteraan Awam sesi 2007 Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang telah dipilih sebagai sampel untuk mewakili populasi. Hal ini kerana pelajar sekolah tersebut mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi. Sampel di sekolah berkenaan dipilih secara persampelan purposif atau persampelan bertujuan. Sampel kajian adalah seramai 145 orang pelajar yang terdiri daripada 44 orang pelajar lelaki dan 101 orang pelajar perempuan. Penyelidik memilih persampelan bertujuan kerana menurut Azizi Yahya et. al (2006), penyelidik yang menggunakan kaedah persampelan jenis ini, tidak semestinya mempunyai kuota yang perlu dipenuhi daripada strata-strata tertentu. Penyelidik juga tidak hanya memilih orang yang terdekat dengannya. Selain itu, penyelidik memilih persampelan bertujuan adalah untuk mendapatkan data dan maklumat yang dikehendaki dalam menjawab persoalan yang dikaji. Menurut Azizi Yahya et. al (2006) juga, bilangan minimum sampel bagi kajian bergantung pada beberapa perkara seperti saiz populasi, saiz sel-sel yang dibandingkan dan jenis reka bentuk kajian yang digunakan. Setelah kajian dijalankan didapati hanya terdapat 129 orang responden yang terdiri daripada 41 orang pelajar lelaki dan 88 orang pelajar perempuan. Hal ini kerana terdapat beberapa orang pelajar tidak hadir ke sekolah pada hari instrumen kajian diedarkan. Di samping itu juga, terdapat sebilangan pelajar yang menghadiri program di luar sekolah.

Jadual 1 : Bilangan Sampel Minimum Mengikut Jenis Kajian (Gay, 1981)

Jenis kajian yang digunakan	Bilangan sampel minimum yang diperlukan
Kajian deskriptif	10% daripada populasi
Kajian korelasi	30 orang bagi sesuatu kumpulan
Kajian berbentuk eksperimental	15 orang bagi sesuatu kumpulan
Kajian perbandingan sebab	30 orang bagi sesuatu kumpulan

(Sumber : Azizi Yahya et. al, 2006)

Berdasarkan jadual bilangan sampel minimum mengikut jenis kajian, penyelidik hanya memerlukan 10 peratus sampel daripada jumlah populasi. Dengan menggunakan kaedah persampelan purposif, penyelidik dapat mengelak dari berlakunya masalah kekurangan sampel yang sering terjadi dalam kebanyakan kajian dan kertas kerja. Selain itu, semakin besar bilangan sampel yang diambil dalam kajian ini, semakin tepat dan semakin tinggi kebolehpercayaannya.

Instrumen Kajian

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah jenis soal selidik untuk mendapatkan maklumat responden. Item-item dalam soal selidik ini dibina merujuk kepada kajian lepas dan hasil perbincangan daripada penyelia projek. Hal ini dapat membantu meningkatkan keesahan soal selidik. Item-item ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian A mengandungi tujuh item berkaitan latar belakang responden iaitu tingkatan, jantina, umur, keputusan peperiksaan Penilaian Menengah Rendah, keputusan bahasa Inggeris dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah, kawasan tempat tinggal dan pekerjaan bapa manakala bahagian B mengandungi 36 item berkaitan dengan persoalan kajian dalam mengenalpasti kesediaan pelajar mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang dari aspek minat, kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada. Item-item bagi persoalan kajian disusun secara berselang seli bagi mengelakkan responden terpengaruh dengan aspek yang hendak dikaji. Taburan item-item mengikut persoalan kajian dapat dilihat dalam Jadual 2.

Jadual 2 : Item-Item Yang Berkaitan Dengan Persoalan Kajian

BIL	PERSOALAN KAJIAN	ITEM
1	Apakah tahap minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang	1, 4, 7, 10, 13, 16, 19, 22, 25, 28, 31 dan 34
2	Apakah tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang	2, 5, 8, 11, 14, 17, 20, 23, 26, 29, 32 dan 35
3	Apakah tahap pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang	3, 6, 9, 12, 15, 18, 21, 24, 27, 30, 33 dan 36

Jadual 3 : Skala Likert

KENYATAAN	SKOR
Sangat Tidak Setuju [STS]	1
Tidak Setuju [S]	2
Tidak Pasti [TP]	3
Setuju [S]	4
Sangat Setuju [SS]	5

(Sumber : Mohd. Najib, 1999)

Skala Likert jenis 5 peringkat digunakan untuk mendapat jawapan daripada responden. Responden hanya perlu menandakan (/) pada jawapan yang bersesuaian dalam ruangan yang disediakan mengikut skor yang ditentukan seperti yang dapat dilihat dalam Jadual 3.

Kajian Rintis

Kajian rintis dijalankan sebelum penyelidik mendedarkan set borang soal selidik kepada responden. Tujuan dijalankan kajian rintis adalah untuk menentukan kebolehpercayaan soal selidik yang telah dibina oleh penyelidik. Menurut Mohd Najib (1999), saiz sampel kajian rintis tidak perlu besar tetapi memadai untuk memenuhi tujuan perbincangan. Oleh itu, penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 20 orang pelajar di Sekolah Menengah Teknik Ampangan, Seremban yang mempunyai ciri-ciri yang sama dengan populasi kajian. Semua data telah diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 15.0 untuk mengukur kebolehpercayaan instrumen kajian. Daripada hasil analisis yang dilakukan, nilai Alpha Cronbach yang diperolehi bagi soal selidik adalah 0.906. Ini membuktikan bahawa item soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan untuk kajian tinjauan. Menurut Mohd Najib (1999), sekiranya mendapat nilai Alpha 0.8 ke atas, kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi. Setelah analisis kajian rintis diperolehi, atas nasihat penyelia projek, sebanyak 2 item telah digugurkan dari soal selidik kerana nilai Alpha yang terlalu tinggi iaitu 0.907 melebihi 0.905. Hal ini juga bertujuan untuk memberi keseragaman kepada bilangan item bagi setiap persoalan kajian dalam soal selidik tersebut iaitu 12 item bagi setiap persoalan kajian. Bagi item lain yang juga mempunyai nilai Alpha melebihi 0.905, struktur ayatnya telah diubahsuai tanpa mengubah maksudnya.

Analisis Keseluruhan

Pada keseluruhannya, dapatan kajian bahagian A menunjukkan bahawa majoriti responden adalah terdiri daripada pelajar perempuan. Kesemua responden mempunyai umur dan berada di tingkatan yang sama. Kebanyakan responden memperolehi 2A, 1A dan tiada A dalam Penilaian Menengah Rendah dan lebih 50% memperolehi gred C dalam matapelajaran bahasa Inggeris di peringkat PMR. Perbezaan kawasan tempat tinggal responden tidak begitu ketara antara kawasan bandar dan luar bandar. Dapatan kajian yang diperolehi di bahagian B boleh diringkaskan seperti di bawah :

Jadual 4 : Ringkasan Dapatan Minat, Kemahiran Bahasa Inggeris Dan Pengetahuan Sedia Ada Pelajar Dalam Mempelajari Pengajian Kejuruteraan Awam

BIL	PERSOALAN KAJIAN	PUKAI A MIN KESELURUHAN	TAFAP
1	Minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang	3.47	Sederhana
2	Kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang	3.18	Sederhana
3	Pengetahuan sedia ada pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang	3.37	Sederhana

Berdasarkan analisis yang dijalankan dapat disimpulkan bahawa terdapat perbezaan minat antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam. Ini dapat dilihat daripada dapatan yang diperolehi apabila hipotesis nol ditolak iaitu nilai p (0.026) lebih rendah dari nilai signifikan (0.050). Walaubagaimanapun, tidak terdapat perbezaan dari segi kemahiran bahasa Inggeris dan pengetahuan sedia ada antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan dalam mempelajari matapelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam di Sekolah Menengah Teknik Muadzam Shah, Pahang. Ini terbukti apabila hasil dapatan menunjukkan hipotesis nol diterima kerana nilai p lebih besar daripada nilai signifikan iaitu 0.050.

Perbincangan

Hasil kajian yang dijalankan mendapati tahap kemahiran bahasa Inggeris pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam adalah pada tahap sederhana dengan purata min 3.18. Ini menunjukkan responden kurang mahir dari segi pembacaan, penulisan dan pertuturan dalam bahasa Inggeris. Situasi ini dapat dibuktikan daripada dapatan item-item dalam persoalan kajian kedua seperti dalam Jadual 4.7 yang menunjukkan majoriti itemnya pada tahap sederhana. Abu Zahari (1988) menyatakan bahawa jika bahasa yang digunakan oleh pelajar di rumah berbeza daripada bahasa yang digunakan di sekolah, maka ini akan menjadi penghalang kepada kesediaan pelajar untuk menerima pelajarannya.

Penguasaan kemahiran bahasa Inggeris ketika ini adalah amat penting kerana proses pengajaran dan pembelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam telah dilaksanakan dalam bahasa Inggeris. Sekiranya pelajar lebih mahir dan dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik, tahap kesediaan mereka akan meningkat dan pembelajaran berkesan dapat dihasilkan. Menurut Mohd Puzi (2007), pelajar-pelajar yang tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan baik akan ketinggalan dalam bidang ilmu sains dan teknologi kerana kebanyakan bahan ilmiah dalam bidang ini menggunakan bahasa Inggeris.

Berdasarkan ujian-t, nilai p iaitu 0.945 lebih besar daripada nilai signifikan 0.050 menunjukkan tidak terdapat perbezaan kemahiran bahasa Inggeris antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Ini bermakna hipotesis nol diterima. Dapatan ini membuktikan pelajar lelaki dan pelajar perempuan berada dalam persekitaran yang sama. Ini disokong oleh dapatan kajian Mohd Puzi (2007) yang menyatakan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris adalah dipengaruhi oleh persekitaran pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan purata min yang diperolehi bagi persoalan kajian ini ialah 3.37, juga berada pada tahap sederhana. Kesediaan belajar seseorang boleh dipengaruhi oleh pengetahuan atau pengalaman sedia ada. Pengetahuan ini penting untuk menyediakan seseorang untuk menghadapi pembelajaran baru dan memudahkan pembelajaran itu berlaku (Habibah, 1990). Dalam kajian Zulkharnain (2007), responden beliau suka mengaitkan pengalaman yang ada dengan apa yang dipelajari. Mereka menggunakan pengetahuan sedia ada untuk membantu memahami konsep yang baru dipelajari dengan mudah dan cepat tanpa sebarang masalah.

Walaubagaimanapun, secara keseluruhannya tahap pengetahuan yang sederhana akan menyebabkan pelajar mengalami sedikit kesukaran untuk mempelajari dan memahami ilmu baru. Kesediaan mereka mempelajari mata pelajaran Pengajian Kejuruteraan Awam juga turut terjejas kerana kesukaran mereka untuk mengaitkan pembelajaran baru dengan pengetahuan atau pengalaman yang lalu.

Dapatan kajian bagi persoalan kajian ini mendapati nilai p iaitu 0.556 lebih tinggi daripada nilai signifikan, 0.050. Perbandingan dengan nilai signifikan ini menunjukkan hipotesis

nol diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan pengetahuan atau pengalaman sedia ada antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan. Hal ini kerana, latar belakang keluarga dan masyarakat serta budaya yang diamalkan oleh pelajar lelaki dan pelajar perempuan tidak mempunyai perbezaan yang begitu ketara. Menurut Abu Zahari (1988) sebahagian pengalaman seseorang itu bergantung kepada latar belakang keluarga dan latar belakang kebudayaan masyarakatnya.

Rujukan

- Azizi Yahya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon dan Abdul Rahim Hamdan (2006). *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Bochner Stephen (1996). *The British Journal of Educational Psychology: The Learning Strategies of Bilingual versus Monoligual*. 11(3-4): 279-295.
- Boon Pong Ying dan Ragbir Kaur (1998). *Siri Bimbingan Diploma Perguruan: Psikologi II (Semester II)*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Crow dan Crow (1988). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ee Ah Meng (1992). *Psikologi Perkembangan Aplikasi Dalam Bilik Darjah, Edisi Ke-2*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Fathman Ann K (1989). *Instructor's Manual : Science For Language Learners*. Englewood Cliffs, NJ : Prentice Hall Regents.
- Habibah Elias dan Rahil Hj Mahyuddin (1990). *Psikologi Pembelajaran*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamarudin Hj Husin (1997). *Psikologi Bilik Darjah Asas Pedagogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Lee Shok Mee (1994). *Asas Pendidikan 2. Psikologi Dalam Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Kumpulan Budiman Sdn. Bhd.
- Mohd Majid Konting (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nur Hamizah Mirun (2007). *Faktor - faktor Pemilihan Pendidikan Teknik Dan Vokasional di Kalangan Pelajar Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan Buloh Kasap, Segamat Johor*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Rahil Mahyuddin dan Habibah Elias (2007). *Psikologi Pendidikan Untuk Perguruan*. Selangor: Karisma Publications Sdn. Bhd.
- Syeharizad Shariff Fudin (2002). *Kesediaan Belajar Pelajar-pelajar Sekolah Rendah Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup di Sek. Keb. Taman Universiti 1, Skudai*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana Muda.
- Yahya Emat (1993). *Pendidikan Teknik dan Vokasional di Malaysia*. Petaling Jaya, IBS.